**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

30HB MEI, 1979

## HARI TERBUKA AMDB

HARI Terbuka sempena ulang tahun ke-18 penubohan Askar Melayu Diraja Brunei, akan berlangsong serentak di-seluroh negeri esok, 31hb Mei. Ia-nya juga merupakan hari kelepasan awam. Untok memperingati penubohan yang ke-18 tahun ini, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah pun menyusun beberapa achara menarek bagi memperlihatkan kelengkapan dan kechekapan pasokan itu sa-chara serentak di-semua daerah seluroh negeri oleh semua yunit pasokan itu.

Achara perayaan tersebut yang merupakan Hari Terbuka untok kunjongan orang ramai itu antara lain akan menunjokkan kereta perisai Scorpion, dari Chawangan Peninjau; pertunjokan helikopter dari Chawangan Udara; pertunjokan bot2 peronda dari Skuadron Bot Khas; pertunjokan dari Pasokan Meriam Katak dan Angkatan Laut yang akan di-saksikan di-Dermaga Kastam ibu negeri.

Beberapa pertunjokan lain berupa terjun payong bebas serta permainan serunai dan tambor juga akan dapat di-saksikan oleh orang ramai di-Perkhemahan Tutong. Dan achara kemunchak sempena memperingati ulang tahun ke-18 itu, ia-lah penyampaian pingat2 perangai baik dan perkhidmatan lama kapada beberapa orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang akan di-langsongkan di-sebelah petang esok bertempat di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

Achara2 sambutan berupa gerakan tentera dan terjun payong bebas juga akan dapat di-saksikan di-Hari Terbuka bagi Daerah Belait. Manakala di-Perkhemahan Bangar, Temburong, orang ramai akan dapat menyaksikan pertunjokan memasak ketika dharurat, melintas chara tali, perkakas semboyan, terjun payong bebas serta kerja2 dari pasokan pengambilan rekrut. Sementara itu, bagi memeriahkan perayaan tersebut, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga telah mengundang Pasokan Pencharagam dari Kompeni Muzik dan Tambor Singapura yang akan mengadakan pertunjokan mereka di-Berakas Kem esok dan di-Perkhemahan Tutong pada 1hb dan 2hb Jun.

Memandang kapada achara sambutan di-Hari Terbuka AMDB pada kali ke-18 ini, sudah barang tentu dan tidak dapat di-ragukan lagi bahawa angkatan AMDB kita sudah chukop sedia untok memasoki perjuangan di-dunia perajurit untok memboktikan kegagahan-nya sa-bagai anak watan dalam menghadapi rintangan serta anchaman demi mempertahankan kedaulatan Brunei Darussalam serta isi di-dalamnya.

Tahun demi tahun AMDB akan mengorak langkah, berkembang maju sesuai dengan kehendak2 zaman. Sa-waktu ia-nya mula di-tubohkan pada 31hb Mei, 1961 yang lalu, AMDB hanya mempunyai anggota-nya sa-ramai 59 orang. Pada tahun 1964 AMDB menjadi 354 orang dan dalam jangka yang singkat kini AMDB telah mempunyai satu angkatan yang ada pada hari ini menjadikan pasokan kita itu mempunyai dua batalion dan mungkin tidak berapa lama lagi AMDB akan mempunyai tiga batalion, Insha Allah.

Perkembangan AMDB, pada hari ini dan pada masa akan datang ada-lah bergantong sangat kapada penglibatan belia2 (anak Brunei sendiri) untok mempertahankan kedaulatan tanah ayer-nya — ini bukan sahaja memandang kapada gaji serta alaon-nya yang lumayan akan tetapi ada-lah menjadi kewajipan anak negeri Brunei sendiri untok mengabdikan diri kapada tanah ayer-nya yang terchinta — kalau bukan anak Brunei sendiri mempertahankan tanah ayer-nya siapa lagi yang kita harapkan . . . .?

Mari-lah kita sama2 mengunjongi Hari Terbuka AMDB sempena ulang tahun ke-18 ini, di-samping mendo'akan mereka itu supaya di-tetapkan iman, sentiasa di-dalam kandongan sehat-afiat dapat menunaikan kewajipan kerana panggilan tanah ayer dan kapada mereka yang telah mendahului kita (gugor sa-bagai bunga bangsa) kerana kewajipan tanah ayer itu, semoga roh2 mereka itu akan terkumpol dalam gulongan hamba2 Allah yang di-redhai-Nya amin ! ! !



YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar memereksa barisan rekrut yang telah menamatkan latehan pada hari Sabtu lalu. Gambar bawah kiri Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara menyampaikan 'baton' kapada rekrut terbaik, Ak Ahmad bin Pg Hashim dan Timba'ng bin Matnoor, terbaik dalam Undang2 (gambar kanan).





## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 6hb Jun, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 2.6.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 2.6.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 2.6.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 4.6.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 4.6.1979 | Isnin | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 5.6.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 5.6.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 6.6.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 ,, |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 6.6.1979 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 6.6.1979 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 24hb Mei, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
2. TEPONG PULUT — $1.10 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   A. Muthian,
   No. 9, Jalan McArthur.
3. TELOR MASIN — 25 sen sa-biji boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Soon Seng,
   No. 32, Jalan Pretty,
   b) Chin Fatt,
   No. 60B, Jalan Pretty.
2. TEPONG PULUT — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Sharikat M. Haji,
   No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China,
3. TELOR MASIN — 35 sen sa-biji boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   c) Fon Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty.
   d) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
   e) Soon Soon,
   No. 99-B, Jalan McKerron.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. TEPONG PULUT — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Haji C. A. Mohammad,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
3. TELOR MASIN — 25 sen sa-biji boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hudson Company,
   No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Choo Heng Co.
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.

## 29 orang lagi rekrut Pulis tamat latehan

JALAN MUARA — Pasokan Pulis Diraja Brunei kini terus menambah kekuatan-nya dengan berjaya-lelaki yang tamat latehan asas sa-bagai pegawai pulis.

Mereka dari pengambilan ke-6 tahun 1978 telah menamatkan latehan tersebut dalam satu upachara tamat latehan yang telah di-langsongkan di-padang kawad Pusat Latehan Pulis di-sini pada pagi Sabtu 26hb. Mei yang baru lalu.

Rekrut2 yang telah mula menjalani latehan asas pada 12hb Nobember, 1978 itu dengan tangkas-nya memperlihatkan kechekapan mereka di-hadapan YAM. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Penolong Pesurohjaya Pulis sa-laku pegawai menerima dan memereksa tabek hormat perbarisan.

Sa-panjang menjalani latehan di-pusat itu rekrut2 tersebut di-perlengkapkan dengan pengetahuan undang2 dan tugas2 am pulis, latehan pertolongan chemas, berenang dan menyelamat jiwa serta judo.

Dalam latehan menyelamat jiwa 26 orang daripada-nya telah di-berikan Sijil Perantaraan dan Pingat Gangsa manakala tiga yang lain-nya gagal.

Lihat muka 16

# RBMR MARKS 18TH BIRTHDAY TOMORROW

BANDAR SERI BEGAWAN—His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah is scheduled to present merit and service medals to several members of the Royal Brunei Malay Regiment at a ceremony in conjunction with the regiment's eighteenth anniversary tomorrow.

The ceremony will take place at the padang here from 5.00 p.m. to 6.00 p.m. and will be the highlight of the celebrations which will be held simultenously in all four districts.

The celebrations here will start at the wharf from 1.30 p.m. to 4.30 p.m. before moving to the padang for the ceremony.

In the Tutong and Temburong districts, they will be held from 9.00 a.m to 12.00 noon at the Tutong Camp and Bangar Camp respectively while in the Belait District the celebrations will take place at the Ahmad Tajuddin Secondary School, Kuala Belait.

Members of the public are cordially invited to attend the celebrations.

## Annual sports meet

BANDAR SERI BEGAWAN — The Acting State Secretary, Dato Setia Awg Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib last week declared open the twelfth annual sports meet of the St Andrew's School held at the SMJA School padang here.

His wife Datin Dayang Edah presented the prizes to the winners at the end of the meet.

Nearly two hundred students competed in the twenty-nine field and track events.



THE Brunei Shell Petroleum Company last week donated a sum of three thousand dollars in aid of the Brunei State Youth Council Fund.

The cheque for that amount was handed over by Brunei Shell's Trade Relations Adviser, Mr. B. Livingstone to the Treasury of the Brunei State Youth Council, Awang Haji Ahmad bin Kadi at a ceremony held at the Welfare, Youth and Sports Department in Bandar Seri Begawan.

Our picture above shows Mr. Livingstone about to present Awang Haji Ahmad the cheque.

## Art contest show

BANDAR SERI BEGAWAN.—An art competition and exhibition will be held here for ten days commencing on July 14 as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations.

The competition is divided into six sections namely portrait, landscape, still life, abstract art, batik painting and sculpture, and can be done in water colour, oil or any other media.

All entries should be submitted to Pengiran Bongsu bin Pengiran Zakiah at the Language and Literature Bureau or Awg Othman bin Mohammad at Radio Television Brunei here not later than July 5.

## Loans totalling over $4m. approved

BANDAR SERI BEGAWAN— The Government has approved some ninety applications for loans amounting to more than four million dollars under the scheme to help small scale local businessmen.

This was disclosed last week by the Director of the Economic Development Board, Awang Selamat bin Mamap, when he opened a new petrol kiosk near Kampong Mabohai here.

The filling station is one of the projects under the scheme.

Awang Selamat said the applications included some for buying school buses, taxis and boats.

## HELMETS COMPULSORY FROM FRIDAY

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Motor Cycles Proctective Helmet Regulations will come into force as from this Friday June 1.

The police have reminded motor cyclists and pillion riders that under the regulations they must wear protective helmets.

The police have specifically recommended two types of helmets which comply with the regulations.

These are the British Standard Specification B.S.2001:1972 and the Singapore Standard Specified S.S.9:1970.

Under the regulations, any motor cyclists or pillion riders found without the protective helmets after June 1 will, on conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred dollars or twelve months imprisonment or both.

The same penalty awaits the dealers who sell or supply helmets other than the two prescribed by the police.

## Koran Reading Contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Division Three Koran reading competition for adults in the Brunei Muara District was held at the Pengiran Anak Al-Muhtadee Billah Religious School here last week.

The men's and the women's sections were won respectively by Awang Mahalee bin Awang Besar and Dayang Saliah binte Haji Latip.

Second was Awang Haji Ibrahim bin Muhammad and third was Awang Sulaiman bin Haji Nasir in the men's section while in the women's section, Dayang Hajjah Saleha binte Haji Idris was second and Dayang Fatimah binte Hj Mokti third.

Awang Mahalee and Dayang Saliah will represent the third division in the Brunei Muara District level finals to be held on June 19.

The competition was declared open by the Assistant District Officer, Awg Abdul Hamid bin Haji Ismail.

The Superintendent of Muslim Missionary Works, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman presented the prizes to the winners and participants.

## Sabah's Postal Officials visit

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postmaster-General, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Haji Mohammad Limbang last week had informal discussions with two senior postal officials from Sabah.

The Director of Posts, Mr Letchmannan and the Head Post Master, Mr Sung Tshu Shen, were in Brunei for a two-day goodwill visit.

They were briefed on the Brunei postal services and shown around the Postal Services Department here.

They were also taken on a tour of Brunei Shell's operations in Seria before returning to Sabah.

## Police set up Air Wing

BANDAR SERI BEGAWAN. — A special air wing is being formed in the Royal Brunei Police Force which has already sent nine of its officers to Singapore for training.

The nine officers, five of them probationary inspectors, will be trained on how to fly helicopters, and on their return, will form the nucleus of the air wing.

The officers are Inspectors Pengiran Hassan bin Pengiran Zahari, Hasrin bin Haji Sabtu, Pengiran Asli bin Pengiran Haji Ismail, Pengiran Sahdan bin Pengiran Yaakub, and Probationary Inspectors Abdul Khalid bin Abdul Hamid, Metamit bin Kanak, Mohammad Zaini bin Haji Sanif, Abdul Majid bin Awang Damit and Awangku Rakit bin Pengiran Othman.

## Commissioner visit Ulu Belait

KUALA BELAIT— The British High Commissioner, Mr Arthur Watson and his wife last week paid a two-day familiarisation visit to the Belait District including trips to the interior.

Mr. and Mrs. Watson, accompanied by among others the District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Awang Haji Mohammed Jaafar and the OCPD Belait, Awang Yaakub bin Pehin Haji Zainal, first went to Kampong Kuala Balai.

From there, they proceeded to the Melilas Long House where they were entertained to 'Ngajat', the traditional Iban dance.



SOME of the more than sixty-five people who attended the civic course organised by the State Secretariat at the Civic Centre in Kuala Belait last week are seen above looking at the pictures of development in the Belait District, which were put on display as part of the course.

## Takraw, badminton tourneys

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sepak takraw and badminton tournaments are now being organised for players in the Brunei Muara District and Belait District in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations this year.

The sepak takraw is being organised by the Brunei Malay Teachers' Association and open to clubs, associations, government departments, schools and colleges.

Entry forms are obtainable from the association headquarters here, Awang Mohammed bin Ismail at the Education Department's Physical Education Section or Awang Mokti bin Abdul Ghani at the Pehin Dato Jamil Primary School.

The badminton tournment, organised by the Welfare and Sports Club of the Public Works Department in Kuala Belait, is scheduled to begin next month.

Badminton players in the district who are interested in taking part in the tournament can get the entry forms from the organising committee before the closing date, May 31.

## OVER 400 IN SPORTS

BANDAR SERI BEBAWAN— Twenty primary schools in Brunei Division Three last Thursday held their joint annual sports meet at the Sultan Muhammad Jamalul Alam Secondary School padang here.

More than four hundred and thirty pupils competed in the meet which was declared open by the officer Commanding Police District Brunei Muara, Superintendent Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Besar.

The prizes were given away by the Penghulu of Mukim Kota Batu, Dato Harimau Alam Awang Besar bin Munaf.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-39

DALAM siri lalu telah di-terangkan keputusan tiga buah Mahkamah menolak pernikahan orang2 Bahai (memutuskan-nya sa-bagai tidak sah), kerana mereka itu di-anggap murtad keluar dari Ugama Islam, sedang nikah itu berkehendakkan ugama, dan tiada-lah ugama itu bagi orang murtad.

Di-bawah ini kita nukilkan beberapa petekan dari naskhah fatwa yang menyebutkan keterangan2 Ulama dalam kitab2 yang muktabar.

1. Kitab *Al-Mabsut* karangan Al-'Allamah Shamsuddin As-Sarkhasi chetakan As-Sa'adah m.s. 48 juz 5 bab An-Nikah. Di-situ di-terangkan dengan luas-nya perkara yang tersebut, dan dalam juz 10 m.s. 104 ketika berchakap mengenai perbuatan orang murtad, pengarang kitab ini berkata, *bahawa dengan ittifaq Ulama sa-tengah daripada perbuatan orang murtad itu ada-lah batal serta-merta, saperti nikah dan sembelihan.*

2. Kitab *Badai'us Sanal'* karangan Al-Imam 'Alauddin Al-Kasani Al-Hanafi Al-Mazhab, chetakan Sharikat Al-Matbua't juz 2 m.s. 270 dalam perkara "Sharat Harus Nikah", kata-nya: *Sa-tengah daripada sharat nikah itu hendak-lah laki2 (suami) dan perempuan (isteri) mempunyai ugama yang di-akui oleh shara'. Jika salah sa-orang murtad, maka tiada-lah harus (tiada sah) nikah-nya sama sekali . . . .*

3. Kitab *Addarrul Mokhtar Sharh Tanwirul Absar* karangan Al-'Allamah 'Alauddin Al-Haskafi, chetakan Al-Matba'ah Al-Amiriah juz 2 m.s. 407 bab *nikah orang kafir,* kata-nya: *Tiada sah nikah orang laki2 murtad atau perempuan murtad kapada siapa saja.* Dan pada bab *murtad* juz 3 m.s. 310, kata-nya: *Batal perbuatan orang murtad dengan ittifaq Ulama pada perbuatan yang bersandarkan kapada ugama, ia-itu ada lima perkara: Nikah, sembelihan, perburuan, saksi dan pusaka.* Sementara Al-'Allamah Ibnu 'Abidin juga telah menerangkan hal ini dengan panjang lebar dalam hashiahnya.



**YDM Sahibol Fadzilah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin 'Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei. Fatwa beliau banyak saya petek untok tulisan ini. Beliau ada-lah sa-orang Ulama yang tegoh dan tegas, yang boleh di-boktikan dari sikap, semangat dan amalan beliau yang kita nampak. — Penulis.**

4. Dalam kitab *Al-Mughni* karangan Ibnu Quddamah Al-Hanbali, chetakan Al-Manar juz 10 m.s. 83 di-bawah tajok *Batal Nikah Orang Murtad Dan Batal Segala Milek-nya,* kata-nya: *Jika ia nikah, tiada sah nikah-nya kerana tiada di-akui nikah-nya itu, dan bila tiada di-akui nikah-nya maka di-tegah juga meng-'akadkan nikah, saperti nikah orang kafir dengan perempuan Islam — jika ia nikah maka tiada sah nikah-nya kerana kuasa-nya di-atas perempuan telah putus dengan sebab riddah-nya (dengan sebab ia murtad).*

5. Demikian juga di-dapati keterangan2 mengenai-nya dalam kitab2 saperti *Al-Hidayah* karangan Ash-Sheikh Al-Islam Burhanuddin Abu Bakar Al-Mirghani juz 2 m.s. 505, *Al-Bahrur Raiq* karangan Al-'Allamah Zainuddin bin Najim yang bergelar Abu Hanifah yang kedua juz 3 m.s. 144, *Al-Kanzu* karangan Al-'Allamah Ad-Dailami juz 3 m.s. 288 dan *Tuhfah Al-Minhaj Sharh Al-Minhaj* juz 2 m.s. 100 karangan Al-Imam Ash-Sheikh Ibnu Hajar Al-Haitami.

### ULASAN PENASEHAT UNDANG2

Di-bawah ini di-salinkan ulasan yang di-tulis oleh penasehat undang2 dalam Mahkamah, Al-Ustaz Ali Ali Mansor, Mesir:

"Kita umat Islam sekarang dapat keterangan2 yang nyata darihal asal-usul dan iktikad keperchayaan orang2 Bahai atau Bahaiyyah atau Babiyyah dari dua buah risalah, sabuah daripada-nya di-tulis dan di-ulas oleh sa-orang 'Alim yang berkelayakan dan berpengalaman, yang di-ambil dan di-petek dari beberapa buah kitab karangan penganjor2 Bahaiyyah, dan sa-buah lagi ia-lah risalah atau renchana yang telah di-tulis oleh sa-orang penasehat undang2 yang telah mengikuti perbicharaan bagi kes perkahwinan sa-orang Bahaiyyah. dan dengan perkahwinan itu ia telah menuntut alaon kahwin sa-banyak $9.00 wang Brunei dalam tiga buah mahkamah . . . ! Sandaran dan alasan2 yang di-bawa oleh peguambela ada-lah di-ambil dari kitab2, ajaran serta amalan orang2 Bahai yang bersunggoh2 hendak menunjokkan (menunjolkan — *Penulis*) kedudokan mereka, yang sa-belum perbicharaan itu maseh samar2 kapada umat Islam. Orang2 Bahai sa-belum ini ada-lah sentiasa menyembunyikan kufur dan amalan2 sesat mereka untok menipu umat Islam supaya terkeluar dari Ugama Islam. Mereka terus berusaha untok melemah dan meruntohkan Ugama Islam itu, tetapi Maha Suchi Allah yang telah berjanji dalam Al-Kor'an akan tetap memelihara Kitab Suchi ini dari berubah — di-ubah atau di-pinda oleh musoh2 Islam, dan apa2 yang di-buat oleh musoh2 Islam itu tiada-lah akan menjejaskan kedudokan Al-Kor'an dan keagongan Islam. Firman Allah dalam Surah *Al-Hijr* ayat 9, yang erti-nya: *"Sesunggoh-nya Kami (Allah) yang menurunkan Al-Kor'an, dan sesungoh-nya Kami juga yang sentiasa menjaga-nya."* Umat Islam mesti-lah mempertahankan Ugama Islam, yang mereka berbangga dengannya, KERANA ORANG YANG MEMPERTAHANKAN ISLAM ITU, IA TELAH DI-JAMIN OLEH RASULULLAH S.A.W. AKAN MENANG DAN BERJAYA DALAM USAHA-NYA, MUSOH2 ISLAM TIADA DAPAT BERBUAT APA2 KA-ATAS-NYA sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w., ia-itu Hadith Sahih riwayat Al-Imam Ibnu Majah daripada sahabat Abu Hurairah r.a., erti-nya: *"Pasti ada satu kumpolan dari umat-ku yang sentiasa menjaga/memelihara Ugama Allah yang benar, dan tiada-lah mereka itu dapat di-chederakan (di-mudzaratkan) oleh orang2 yang menentang/menyalahi perjalanan mereka"* (dalam naskhah fatwa, nas asal dalam bahasa Arab Hadith ini ada-lah di-sebut).

Sa-buah Hadith lain yang juga Hadith Sahih riwayat Imam Al-Hakim dari sahabat 'Umar r.a. yang juga di-sebutkan nas asal-nya dalam naskhah fatwa, erti-nya: *"Pasti ada satu kumpolan dari umat-ku yang sentiasa berjaya dapat mengalahkan seteru dengan memegang Ugama Islam yang benar. Begitu-lah keadaan mereka sa-hingga bangkit hari kiamat."*

* * *

### SERUAN KAPADA UMAT ISLAM

Saya rasa sudah jauh juga saya membawa para pembacha menganalisa Bahaiyyah atau Bahaism itu dengan memetek beberapa isi buku, rumusan Muktamar dan fatwa Pehin Mufti Brunei. Untok menyempurnakan petekan2 saya itu, maka suka-lah saya turunkan di-sini bahagian paling akhir dari fatwa Sahibul Fadzilah Pehin Mufti, yang saya anggap merupakan *suatu kesimpulan penting berbentok seruan dan nasehat kapada umat Islam di-negeri ini pada khusus-nya.* Seruan itu berbunyi:

SEKARANG mari-lah kita membacha dengan teliti dan chermat serta bersunggoh2 kata2 Ulama yang sudah di-sebut terdahulu pada mengkufurkan puak2 yang sesat supaya nyata kapada kita mana orang yang kafir dan mana pula orang yang tetap dalam Islam dan iman.

SEKARANG jangan-lah kita umat Islam membacha buku2 yang sesat dan kufur karangan musoh2 Islam, saperti orang2 orientalis dan orang2 yang ideoloji-nya, mazhab dan semangat-nya berlawanan dengan pegangan umat Islam. (Saya suka menambah: Kechuali pembacha itu sa-orang yang telah sedia kuat pegangan dan mendalam ilmu Islam-nya serta bertujuan untok mengkaji bagi melawan de'ayah2 musoh — *Penulis*).

SEKARANG wajib di-atas kumpolan2 Islam, orang2 perseorangan, ibu bapa-ibu bapa, ketua2 dalam keluarga, dan raja2 Islam, dan kerajaan umat Islam mengajar i'tikad Islam, kebudayaan dan 'ibadat Islam dalam rumah2, sekolah2, balai2 dan perhimpunan umat Islam, supaya tertanam dan tersemat 'itikad dan keperchayaan yang kuat kapada Allah dan Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa Ugama Islam buat manusia, ugama yang sesuai pada setiap tempat dan masa atau zaman. Kerana sa-siapa yang ragu atau shak pada kesesuaian Ugama Islam itu dengan segala masa, zaman dan tempat hingga hari kiamat, ada-lah kufur dan murtad. Atau ragu terhadap sasuatu ajaran yang telah sabit ada-nya dalam Islam ada-lah kufur dan murtad. Dengan ada-nya iman serta kuat keperchayaan pada Islam dan semangat untok mempertahankan-nya, menjadikan sa-seorang anak muda Islam itu tiada mudah terpengaroh dengan ajaran2 sesat dan faham2 yang menyelewing dan menentang Islam, samada dengan chara langsong atau tidak langsong, sa-bagaimana (lazim-nya — *Penulis*) di-buat oleh musoh2 Islam dari dahulu hingga sekarang.

SEKARANG mari kita bersama2 Ulama Islam menghukumkan kufur dan murtad orang2 yang berpegang dengan ajaran2 TASLIM atau ISMAILIYYAH atau QADIANIYYAH atau AHMADIYYAH atau BABIYYAH atau BAHAIYYAH atau BAHAI, kerana mereka itu *mengaku ada Tuhan lain daripada Allah, ada Rasul2 dan Nabi2 yang datang salepas dari Nabi kita Muhammad s.a.w., dan mereka itu mengatakan 'alam ini qadim ada bersama2 Allah, dan mereka itu tiada perchaya dan tiada beriman dengan hari kiamat, apa yang berlaku pada hari kiamat, dan mereka itu tiada perchayakan rukun2 Islam dan rukun2 Iman, dan mereka itu memisong serta memutar belitkan erti dan tujuan ayat Al-Kor'an dan Al-Hadith dari makna-nya yang di-kehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya, mereka berusaha meroboh, meminda dan mengubah ajaran2 Islam, mereka itu berkata Islam tiada sesuai dengan masa dan tempat, mereka itu MENGHALALKAN YANG HARAM DAN MENGHARAMKAN YANG HALAL . . . . Wallahu A'lam.*

(BERSAMBONG)

# Menchari keuntongan di-sisi Allah




PENGERTIAN sa-chara 'am perkataan "Untong" ia-lah mendapat lebeh daripada yang di-keluarkan atau di-belanjakan atau di-berikan. Pengertian ini biasa kita fahami dalam perkara2 keduniaan saperti dalam perkara perniagaan dan sa-umpama-nya. Dan tidak shak bahawa pengertian sa-demikian itu ada-lah betul, chuma ia-nya ada-lah terbatas sakira-nya sa-takat itu sahaja yang di-kehendaki oleh sa-seorang.

Sa-benar-nya, ada lagi pengertian yang mendalam mengenai "Untong" itu, dan pengertian yang mendalam itu lebeh menepati kehendak2 ajaran Allah dan Rasul-Nya serta lebeh bermunafaat kapada kita sa-bagai orang2 Islam, ia-itu keuntongan dalam perkara2 yang baik, bukan keuntongan berupa wang ringgit. Tetapi sayang-nya, keuntongan begini selalu di-lupakan atau pun kita kadang2 lalai pada mengusahakan-nya.

Sa-bagai chontoh mengenai keuntongan yang di-maksudkan itu ada-lah saperti yang terdapat dalam riwayat mengenai sa-orang sahabat Nabi s.a.w. bernama Shuaib Al-Romi. Beliau itu berchadang untok hijrah dari Mekah ka-Madinah menyertai Rasulullah s.a.w. Tetapi ia di-halang oleh orang2 Quraish dengan menempelak: "Engkau dahulu-nya datang kapada kami di-Mekah ini dengan tiada membawa harta sedang sekarang engkau hendak keluar meninggalkan-nya dan meninggalkan kami dengan mengangkut semua harta mu. Tidak! Sama sa-kali tidak akan kami lepaskan engkau berbuat demikian!" Demikian kata2 orang Quraish kapada-nya. Mendengar kata2 kasar dan tempelakan orang2 Quraish itu, Shuaib pun bertanya: "Bagaimana kalau ku serahkan harta ku kapada kamu, ada-kah kamu akan membenarkan aku pergi?" Maka jawab orang2 Quraish: "Ya!". Lalu Shuaib pun menyerahkan harta-nya kapada mereka dan mereka membenarkan beliau keluar dari Mekah.

Apabila sampai di-Medinah kedengaran-lah kapada Rasulullah s.a.w. akan kejadian tersebut — di-mana Shuaib telah berkorban harta-nya sa-mata2 bagi menyelamatkan akidah-nya ia-itu keimanan-nya kapada Allah dan Rasul-Nya serta ajaran2-Nya, dengan menyertai Baginda s.a.w. dan orang2 Islam yang lain di-Medinah. Tetapi ada-kah Shuaib telah rugi? Jawab-nya: Tidak, bahkan sa-balek-nya Rasulullah s.a.w. ketika mengulas kejadian tersebut dengan sabda Baginda yang bererti: *"Shuaib telah untong, Shuaib telah untong"*.

Sa-sunggoh-nya sahabat yang bernama Shuaib itu tidak memperoleh keuntongan wang ringgit, bahkan sa-balek-nya beliau telah kehabisan harta-nya. Hal yang sa-demikan itu, kalau mengikut ukoran biasa dalam erti-kata untong rugi di-kalangan orang2 yang berniaga di-kalangan orang2 yang hanya sa-mata2 tahu mengejar dan menchari harta, nyata-lah itu telah rugi. Tetapi dalam ukoran atau sukat2 Islam saperti pengertian-nya mengenai untong rugi, tidak shak lagi beliau sa-benar-nya telah beruntong, ia-itu memperoleh untong dalam perkara yang baik dengan dapat berhijrah dari Mekah ka-Medinah bagi menyelamatkan akidah-nya serta dapat berdampingan dengan Rasulullah s.a.w.

Adapun pengertian dan fahaman untong saperti ini kurang benar terlintas di-hati dan di-fikiran kebanyakan orang. Chorak hidup hari2 sekarang ini sa-makin mengkaburkan lagi pengertian dan fahaman untok beroleh keuntongan sa-demikian. Kerana itu mustahak-lah kita mengilap-nya dari sa-masa ka-semasa supaya ia akan jelas kelihatan berkilat-kilat dan berkemilau. Tegas-nya: supaya semangat kita senantiasa berkobar-kobar pada menchari dan mengutamakan perkara2 yang baik saperti keselamatan akidah. Ini, dengan itu kita akan tidak ragu2 atau walang pada menchapai keuntongan yang sa-benar sa-kalipun mithalan terpaksa menanggong kerugian di-segi wang ringgit. Orang2 yang 'arif akan nilai dan harga akidah-nya, tidak walang atau menaroh kesal mengorbankan harta mereka demi menjamin keselamatan akidah. Kerana perbuatan sa-demikian itu termasok dalam perkara membelanjakan atau mengeluarkan harta pada jalan Allah, dan itu amat terjamin untong-nya di-sisi Allah Ta'ala bahkan lebeh besar daripada keuntongan berniaga.

Sunggohpun keuntongan kerana menjamin keselamatan akidah itu untong-nya bertanggoh, ia-itu kesan-nya lambat di-dunia ini, tetapi itu tidak-lah mengurangkan nilai-nya. Sa-orang ahli perniagaan yang bijak umpama-nya akan tidak ragu2 bahkan selalu mengutamakan mengeluarkan modal yang banyak bagi memperoleh keuntongan yang besar dalam jangka panjang, padahal ia mampu beroleh untong sedikit dalam jangka pendek dengan modal-nya ini.

Maka demikian-lah juga hal-nya dalam berbelanja atau berkorban harta dalam menjamin keselamatan akidah. Sikap suka chepat untong sa-benar-nya sama-lah saperti perangai kanak2 kechil yang memegang mainan di-perbuat daripada kertas, dia tidak akan melepaskan mainan itu kalau di-janjikan akan di-beri mainan lain esok-nya, sa-kalipun mainan yang di-janjikan itu di-perbuat daripada plastik yang tentu-nya lebeh baik dan lebeh tahan daripada yang di-perbuat daripada kertas.



AWANG Mahale bin Besar, johan qari Kawasan Brunei III menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Awang Mahale akan mewakili kawasan tersebut ka-Pertandingan Perengkat Daerah Brunei-Muara.

## Bingkisan minggu ini

# Menunaikan niat suchi suatu kewajipan

PERNAH-KAH terfikir oleh kita bagaimana perasaan kita apabila kita berada di-tengah lautan yang bergelora? Tentu-lah serba sedikit kita akan berasa chemas dan takut-takut. Keadaan akan bertambah chemas lagi apabila gelombang sa-makin meninggi dan tiupan angin sa-makin kenchang. Dalam keadaan begini-lah kita akan mengingat Allah sa-banyak-banyak-nya. Kita membacha itu dan membacha ini sa-tahu-tahu kita. Ini bertujuan akan menguatkan keperchayaan kita terhadap keselamatan merempoh merbahaya tersebut. Sa-lagi belum sampai ka-matalamat yang di-tuju, maka sa-lagi itu-lah hati maseh gundah gulana. Ada-ada saja yang membayang di-fikiran kita di-samping mulut kita tidak henti2 membacha ayat suchi. Dan tanpa di-undang pula, akan timbul-lah sa-ribu satu sesalan dan pertanyaan. Apa-kah ini sa-bagai satu pembalasan di-atas kechurangan yang ku lakukan sa-lama ini? Apa-kah ini berupa balasan tentang ke-engkaran ku melakukan surohan Allah? Dan malah bermacham-macham lagi pertanyaan yang timbul dalam fikiran kita. Lantaran dengan itu juga, kita akan menyesali atas segala gerak laku dan ke-engkaran kita yang telah lalu itu. Kita pun berchita-chita untok membuka 'era' baru dalam penghidupan yang akan datang.

Ini-lah suatu gambaran yang jelas yang sering berlaku, dan mungkin pernah kita temui. Tapi sunggoh aneh. Apa2 yang pernah di-niatkan sa-masa berada di-dalam bahaya dulu itu, chuma tinggal niat dan angan2 kosong saja. Dan mungkin chuma bertujuan untok menyelamatkan diri dari bahaya yang menimpa tadi. Apabila sudah lepas dari bahaya tersebut, maka kita sa-olah2 lupa dengan apa2 yang pernah di-niatkan itu, walaupun barangkali niat2 tersebut maseh lagi berdenyut di-sanubari kita. Niat tersebut di-biarkan dengan begitu saja, tanpa di-'ingau-ingaukan'. Dan akhir-nya lama kelamaan ia akan hilang dan terus hilang sama sa-kali. Ini ada-lah di-sebabkan sikap kita yang ingin menanggoh-nanggohkan niat tersebut. Sa-bagai mithalan, kita telah berniat untok mengerjakan sembahyang sa-lepas terlepas dari sa-suatu bahaya. Tapi niat tersebut tinggal niat sahaja. Apabila keadaan puleh saperti biasa, maka kita akan berasa berat untok menunaikan apa2 yang kita niatkan itu. Apabila kita hendak menunaikan niat itu, maka ada2 saja batu penghalang yang merintangi. Kemudian di-tambahi lagi dengan alasan2 yang bukan2 dan senghaja di-ada-adakan. Gagau-lah, jangal dan malu apabila di-lihat oleh orang lain, dan pendek-nya timbul bermacham-macham alasan. Akhir-nya niat kita yang suchi murni itu, yang mana telah awal2 lagi di-wajibkan ka-atas diri kita, tinggal begitu saja.

Begitu-lah hal-nya, sa-tengah2 kita yang chuma mampu memperkatakan dan meniatkan sa-suatu yang baik ketika di-timpa oleh sa-suatu bahaya. Tapi akan lupa segala apa yang di-niatkan apabila saja bahaya tersebut terlepas dari diri-nya. Dan keadaan akan bertambah burok lagi apabila kita sa-olah2 tidak mempunyai sa-barang niat yang perlu untok di-tunaikan dan sa-olah2 saperti tidak pernah di-singgung olah sa-barang bahaya, yang ia sendiri tidak merestui-nya. Dan barangkali, apa2 yang pernah di-niatkan itu ada-lah sa-bagai jalan keluar untok lari dari di-timpa oleh bahaya.

Dalam hal ini Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah Al-Ankabut ayat 65 yang maksud-nya kira2: *"Maka apabila mereka naik kapal, mereka mendo'a kapada Allah dengan memurnikan ketaatan kapada-Nya, maka tatkala Allah meyelamatkan mereka sampai ka-darat, tiba2 mereka (kembali) mempersekutukan (Allah)"*.

Sa-patut-nya, kita sa-bagai umat Islam mesti-lah menggotakan apa-apa yang pernah di-niatkan, apa-tah lagi niat tersebut ada-lah suchi dan telah menjadi kewajipan ka-atas diri kita. Dan jangan-lah kita jadikan niat tersebut sa-bagai satu alasan untok keluar dari sa-barang bahaya. Atau pun dengan lain perkataan, kita chuma ingatkan Allah apabila kita di-singgahi oleh bahaya, tapi akan lupa apabila kita berada di-dalam kesenangan. Sa-patut-nya kita mesti-lah ingat kapada-Nya dalam waktu kedua-dua-nya sa-kali ia-itu dalam waktu senang dan juga dalam masa kesusahan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Mei, 1979 hingga ka-hari Selasa 5hb Jun, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.35 | 4.51 | 6.06 |
| 31hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.35 | 4.51 | 6.06 |
| 1hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 2hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 3hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 4hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 5hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



JEMPUTAN Kehormat, pegawai kursus serta peserta kursus kelihatan khusu' mendengar uchapan2 di-perasmian Kursus Sivik dan Pameran, Mukim Belait.



SALAH sa-orang peserta kursus, sedang mengemukakan soalan-nya kapada pencheramah mengenai dengan Perkhidmatan Penerangan, yang di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Penerangan, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md Salleh bin Haji Masri.



KELIHATAN hadhirin ashek menyaksikan pameran gambar2 yang merupakan kegiatan serta kemajuan negara serta buku2 yang terdapat di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, yang boleh di-beli untok bachaan atau pengetahuan umom.



BERGAMBAR ram
Mukim Kuala Belai
Kelihatan Ketua Pe
Dato Paduka Awan
Awang Haji Abdul



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh.

# JAN
# CHA

• • • •

JANGAN lupakan chandas! jangan lupakan gagawi! dan, jangan lupakan ambulong! merupakan satu peringatan peri mustahak-nya kita mengenal siapa kita yang sebenar-nya. Dan, ada-kah ini merupakan satu perlambangan keperibadian orang2 kita? Budaya permakanan dan adat2 lama yang di-gunakan memang selalu di-jadikan teras untok mengenal siapa kita dan dari mana pertumbohan kita yang sebenar-nya. Bila kita dapat mengenal siapa kita, apa hubongan chandas dan gagawi serta ambulong dengan kita, ada-lah menjadi satu keyakinan yang kita tidak mudah lupa daratan atau tidak akan lemas dengan kemewahan2 dunia yang sentiasa menggoda kita dan menolak-nolak belakang kita untok *terjun puchok* ka-dalam ulakan ayer kemewahan dan kesenangan itu.

Kerana jika kita lupa mengenali diri kita di-tambah lagi dengan kesenangan2, maka kita akan mudah menjadi orang yang bongkak dan selalu berkokok dengan tidak me



Wakil Pesurohjaya Tanah Brunei, Awang Saipun bin Awang
Penggunaan Tanah".

# PERTANDINGAN BINTANG KECHIL: 12 PESERTA DI-PILEH KA-PERENGKAT AKHIR



DAYANG Mariam bte Othman, Johan Bintang Kechil Daerah Temburong yang akan mewakili daerah itu bersama naib johan, Awang Sulaiman Ampuan Haji Judah ka-pertandingan akhir Bintang Kechil perengkat negeri pada awal bulan Julai nanti.

SA-RAMAI 12 orang peserta dari empat buah Daerah akan bertanding merebut juara Bintang Kechil Radio yang akan di-langsongkan awal bulan Julai akan datang di-Bandar Seri Begawan.

Daerah Brunei-Muara, akan di-wakili oleh enam orang peserta. Mereka ia-lah: —

Dayang Lailawati bte Pehin Laila Wangsa Md Salleh, Dayang Lim Kim Hong, Dk Norliha bte Pg Mahari, Dk Monira bte Pg Mohiddin, Dk Rafidah bte Pg Ibrahim dan Md Abu Sufian bin Md Ali Nordin.

**Daerah Belait,** di-wakili oleh:—

Dayang Hartinah bte Ramli dan Awang Norisnan bin Mejnis.

**Daerah Tutong,** di-wakili oleh:—

Awang Erwan bin Md Said dan Abdul Aziz bin Abdul Hamid.

**Daerah Temburong,** di-wakili oleh:—

Dayang Mariam bte Othman dan Awang Sulaiman bin Ampuan Haji Judah.

Mereka akan di-kehendaki membawakan dua buah lagu. Sa-buah lagu wajib, yang di-chipta khas oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Dan sa-buah lagu pilehan (lagu untok kanak2).

Siapa-kah yang akan menjadi juara pada tahun ini? Sama2-lah kita tunggu.

intisari RTB minggu ini

## Dokumentari: "Britons! Your Nelson is Dead"

DOKUMENTARI minggu ini yang akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 9.25 malam, mengesahkan cherita mengenai Nelson, orang yang di-kenang kebanyakan-nya melalui kata2-nya sendiri kerana Nelson menchatet bukan hanya peristewa2 besar kehidupan-nya dalam surat2-nya yang nyata tapi juga hal2 yang menyebabkan-nya Ranchangan ini membayangkan kehidupan-nya sejak kechil di-Burnham Thorpe Rectory, dua batu dari laut, persekolahan-nya di-Norfolk dan pengalaman-nya yang pertama di-angkatan tentera yang kasar melalui kemunchak2 kariar-nya, perchintaan-nya yang menarek bersama Emma Hamilton, anak kapada sa-orang tukang besi hingga kapada kematian sa-orang anak muda di-Trafalgar.

Peperangan2 di-laut yang di-alami oleh Nelson di-St. Vincent, the Nile, Copenhagen dan Trafalgar semua-nya di-bawa ka-kacha talivishen dalam ranchangan ini. Perchaya yang pergerakan askar yang sukar dan keberanian Nelson itu sesuai dan harus di-persembahkan sa-bagai persembahan yang menarek dan senang untok di-fahami — hanya satu jalan yang telah di-chadangkan untok melaksanakan-nya. Tayangkan kapal2 ini di-kacha talivishen agar penunton2 dapat memerhatikan-nya sendiri. Lebeh dari 70 lukisan2 khas dari modal2 kapal dalam abad ke-18 akan dapat disaksikan.

Kemudian-nya sa-buah tangki 60 kaki kali 24 kaki telah di-bena. Ayer dalam tangki itu berukoran kira2 enam inchi dalam dan ayer batu kering telah di-gunakan untok di-jadikan asap saperti akibat dari embun dan kabut. Dengan penggambaran2 dari jarak dekat, penunton2 akan dapat melihat semangat penyerang dari kapal2 British di-bawah perentah Nelson.

**GAMBAR bawah menunjokkan sa-tengah dari 70 modal2 kapal yang di-chipta untok memperingati peperangan2 besar di-laut yang di-alami oleh Nelson.**





KUMPOLAN lawak jenaka Gellin dan Zaini yang sering menghiborkan para pendengar/para penunton RTB dalam satu rakaman persembahan pentas di-Temburong baru2 ini.

## "Against The Wind" drama baru di-RTB

HARI Rabu jam 7.10 malam RTB akan menayangkan episod pertama dari tiga-belas bahagian siri dalam "Against The Wind".

"Against The Wind" ada-lah sa-buah drama yang telah di-bandingkan dengan "Roots". Apa "Roots" sebenar-nya kapada orang2 Amerika ia-lah "Against The Wind" kapada orang2 Australia.

Ia merupakan cherita yang lampau tentang Australia — sa-buah drama mengesahkan tentang orang2 yang telah melalui zaman kekerasan.

Sa-orang perempuan muda yang peramah berbangsa Irish, Mary Mulvane ada-lah sa-orang dari mereka. Ketika usia-nya 18 tahun, Mary di-pindahkan ka-New South Wales salama tujoh tahun, dan tidak banyak membuat pekerjaan selain menyelamatkan harta-benda-nya. "Against The Wind" mendedahkan penderitaan-nya, impian-nya, perkahwinan-nya dengan sa-orang bekas penjenayah, dan usaha-keras-nya untok menempoh penghidupan baru dan kemuliaan.

Siri ini bermula di-Ireland dalam tahun 1796, bila Mary Mulvane di-tangkap dalam satu pemberontakan yang melawan pemerintahan orang2 Inggeris. Ayah-nya memberi sharahan dan memberi pandangan untok memberontak. Teman lelaki-nya mendesak untok memberontak dengan bertindak sa-chara fizik. Mary membuat keputusan-nya dan berakhir dengan keadaan yang menyedehkan dan dia di-hukum dengan pemindahan ka-New South Wales.

**GAMBAR bawah ia-lah rumah kediaman keluarga Mulvane di-Ireland. Ia nampak menarek kapada pandangan kita, tapi sebenar-nya rumah2 begini berkeadaan lembab, gelap, penoh-sesak dan tempat yang menyiksa untok pekerja2 di-sana.**



## "Mirage" dr

PUKOL 9.30 malam hari Khamis 31hb Mei, RTB akan menayangkan "Mirage," sa-buah drama kehidupan yang benar2 berlaku berkenaan dengan sa-buah cherita pengintipan yang paling merbahaya sejak Perang Dunia Kedua.

Ranchangan ini mengesahkan tentang Alfred Frauenknecht, siapa yang pada hari2 ini hidup dalam suasana yang sunyi sepi di-sa-buah kampong di-Pergunongan Swiss di-mana dia melahirkan daya chiptaan-nya.

Tapi dalam tahun 1973, pertubohan rahsia Israel membujok bekas penchipta jentera kapal yang handal ini untok memulakan pekerjaan di-bidang perindastrian yang paling berani semenjak letusan perang yang terakhir. Apa yang terjadi seterus-nya ia-lah pertukaran perseimbangan kuasa di-Timor Tengah, Angkatan Udara Israel, kebanyakan-nya pahlawan2 udara telah berkurangan dalam Perang Enam Hari ini.

Presiden De Gaulle telah mengenakan satu penahanan tentera dan enggan untok menerima sa-barang pengganti. Orang2 Israel mengira yang ia-nya akan mengambil masa enam tahun untok mereka menurunkan sa-buah kapal, menyediakan lukisan2, dan membena kapal mereka sendiri dari garis permulaan mereka. Tapi jika mereka dapat menurunkan tangan mereka untok memperlihat-

# "LATEHAN CHARI-CHARI"

...buah kapal dengan 90 orang ... serta pegawai Pasokan ... Laut AMDB telah ber... menamatkan latehan yang ... kali dengan membuat per... yang jauh di-laut buat sa... lima hari bermula pada 14hb ... 18hb Mei yang lalu.

...han itu yang di-ketuai oleh ... Wright, Pegawai Turus ... Laut telah berada di... kira2 300 batu dari darat... telah di-ambil bahagian oleh ... Waspada, KDB Pejuang dan ... Setria dan di-namakan sa... "Latehan Chari-chari".

...nya bertujuan untok melateh ... memberikan pengalaman kapa... pegawai serta anak2 kapal ang... tersebut dengan suatu ke... pelayaran di-lautan de... hanya mendapat panduan ... dan matahari.

...samping itu ia-nya juga mem... latehan kerja2 menchari dan ... selamat di-laut serta memberi ... tentang kerja2 pengawalan ... yang masok ka-kawasan ...ran negeri ini.

...ka menghampiri pantai, ka... yang mengambil bahagian itu telah bergerak dengan bangga-nya menuju ka-dermaga Angkatan Laut Pertama dengan membawa Pemerentah AMDB, Pegawai Pemerentah Angkatan Laut serta lain2 pegawai kanan AMDB yang telah sedia berada di-salah sa-buah kapal tersebut dengan di-iringi oleh dua buah kapal peronda yang lain.

**KELIHATAN** dalam gambar kanan ini perjalanan pulang kapal tersebut menghampiri dermaga Angkatan Laut Pertama di-Muara.



## PERWIRA WATAN



## Pemangku Mejar Skuadron Bot Khas

KAPTAN Jaafar bin Haji Abd. Aziz dari Skuadron Bot Khas berpengkalan di-Markas Angkatan Laut Pertama AMDB mulai 24hb Mei yang baru lalu telah menjalankan tugas sa-bagai Pemangku Mejar Pegawai Memerentah skuadron tersebut bagi menggantikan Pegawai Memerentah Mejar D. G. Jones.

Kaptan Jaafar yang sa-belum di-tukarkan ka-skuadron itu telah bertugas sa-bagai Pegawai Turus Battalion Pertama di-Berakas Kem antara tahun 1977 hingga September, 1978.

Ketika mula menjalankan tugas sa-bagai Penolong Pegawai Memerentah Skuadron pada 1hb Oktober, 1978. Kaptan Jaafar telah berpeluang mengikuti kursus bagi kelayakan memandu kapal2 pendarat di-Royal Marine Poole, Dorset, United Kingdom pada 6hb Januari, 1979 hingga 1hb April, 1979.

Beliau yang telah memulakan karier-nya sa-bagai rekrut tentera pada Jun, 1969 hingga Disember, 1969 terpileh sa-bagai Pegawai Kadet dan berpeluang mengikuti kursus Pegawai Kadet di-Australia sa-baik2 saja menamatkan latehan rekrut mulai Januari, 1970 hingga Disember, 1970.

Dalam pada itu Kaptan Jaafar telah juga pernah memegang jawatan sa-bagai Pemerentah Platoon di-Rifle Kompeni Battalion Pertama dari tahun 1971 hingga 1974 dan dari sana pula beliau bertugas di-Kompeni Pengambilan Rekrut pada tahun 1972.

Pada tahun 1975 hingga 1976 Kaptan Jaafar bertugas lagi di-Pasokan Semboyan Battalion Pertama dan sa-bagai Pegawai Turus Battalion pada 1977 hingga 1978.

Pernah mengikuti kursus Latehan Peperangan Kawasan Tropika di-Canugra, Australia dan kursus semboyan di-Warminster, UK dalam tahun 1974 serta beberapa kursus lain sa-perti di-Singapura dan Hong Kong.

## Perlawanan Tarek Tali

SA-BANYAK enam pasokan AMDB akan bertemu dalam perlawanan tarek tali perengkat akhir bagi memileh johan, naib johan yang akan di-langsongkan di-Sokan Tahunan AMDB di-arena sokan SMM. Muda Hashim, Tutong.

Sokan tahunan yang akan di-ambil bahagian oleh semua yunit pasokan itu akan di-langsongkan pada 8hb Jun depan dengan berbagai achara pertandingan akan di-adakan.

Dalam perlawanan tarek tali perengkat akhir yang akan di-lakukan sa-belum penyampaian hadiah di-sokan itu akan menentukan bagi perlawanan2 dari pasokan Skuadron Bot Khas bertemu dengan Pusat Latehan, Skuadron Perisai Peninjau akan bertemu dengan Pusat Latehan dan Battalion Kedua akan bertemu dengan Markas Pasokan.

Pemilehan perengkat awal dan sa-paroh akhir tarek tali itu telah pun di-adakan pada 24hb. dan 25hb. Mei lalu di-Perkhemahan Berakas.

Sa-banyak lapan pasokan menyertai di-bahagian yunit besar dan 10 pasokan di-bahagian yunit kechil dan enam pasokan saja yang berjaya ka-perengkat akhir.



...HATAN dalam gambar atas perlawanan tarek tali antara pasokan Skuadron Bot Khas ... berdepan kamera) dengan pasokan Jurutera Pertemporan (membelakang) dengan ... Skuadron Bot Khas menang dalam pemilehan sa-paroh akhir untok memasoki ... akhir.



... ini pula pasokan menarek (membelakang kamera) dari Chawangan Udara telah ... Skuadron Perisai Peninjau (sa-belah hujong) di-pemilehan sa-paroh akhir.



PEMILEHAN bagi pasokan2 yang mengambil bahagian dalam pusingan awal sa-banyak lapan pasokan menyertai yunit besar dan 10 pasokan yunit kechil untok kejohanan tarek tali antara yunit AMDB 1979.



SA-ROMBONGAN Penuntut2 Brunei yang sedang menuntut di-Sekolah Perkhidmatan Bahasa Linguarama di-Portsmouth, England telah membuat lawatan sengkat ka-Peranchis.

Rombongan yang di-sertai oleh dua orang pensharah mereka itu, telah membuat perjalanan ka-Paris melalui feri dan bas di-mana mereka telah menghabiskan masa salama tiga hari sambil melawat dan melihat-lihat kota Paris.

Kemunchak lawatan rombongan itu ia-lah ka-Cathedral of Notre Dame, Muzium Louvre dan Menara Eiffel yang terkenal itu dan seterus-nya ka-sebuah restoran yang mana kebanyakan pelayan2-nya boleh berchakap Melayu.

Gambar menunjokkan rombongan tersebut bergambar ramai di-Place de la Concorde. Dari kiri kakanan—Dudok: Ramli bin Trokie, Yong Fook, Salleh bin Puasa, Siri bin Sijok, Salor bin Kasi, Mohamad bin Yusop, Amit bin Haji Daud, Ali Apong, Saruddin bin Mat Noor.

Berdiri: Intan bte Maidin, Ak. Omar Pg. Haji Damit, Ak Tajuddin Pg. Salleh, Ismail Chuchu, Norsan Yahya, Hasmah bte Haji Yakob, Gambar bte Gapar, Zuraidah bte Mohammed Hanifah, Seroja bte Siau, Salamah bte Mohammed Yusof, Leslie Boyce, Ismail Bahari, Patera bin Madil, Jumat bin Rajid, Kah Yon Chu.

Belakang: Madeli bin Haji Baha, Madam bin Musing, Etuala bin Setia, Dk. Siti Awa bte Pg. Bakar, Mahani bte Abang Haji Ghazali, dan Sulaiman bin Labok.

# DBP ANJOR PERADUAN DIKIR DAN BERZANJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas Dikir Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjorkan Peraduan Dikir dan Berzanji sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun bertempat di-Balai Pameran DBP pada bulan Julai ini.

Peraduan dikir tersebut di-bahagikan kapada dua bahagian lelaki dan perempuan dan hanya terbuka kapada kaki-tangan di-jabatan2 kerajaan dan maktab2. Manakala peraduan berzanji khusus terbuka kapada peserta2 perempuan sahaja. Kedua-dua peraduan itu chuma terbuka kapada peserta2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan itu juga di-buka sa-hingga 14hb. Jun ini untok menerima penyertaan. Borang2 serta lain2 sharat dan peratoran boleh di-dapati daripada Setia-usaha Peraduan Dikir dan Berzanji di-alamat Tingkat 5, Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibunegeri.

Peraduan ini di-hasratkan untok meluaskan lagi perkembangan Dikir Brunei dan Majlis2 Berzanji di-kalangan kaki-tangan2 jabatan kerajaan di-samping sama-sama memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan.



PESUROHJAYA Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid sedang menyampaikan talipinggang dan sijil Judo kapada salah sa-orang rekrut Pulis yang telah menamatkan latehan baru2 ini.

Penyampaian talipinggang Judo itu telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara.

# Jadual lawatan perubatan ka-Kampong2 Pendalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan rombongan perubatan yang mengunakan pesawat helikopter ka-kampong2 pendalaman di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong bagi bulan Jun depan.

Menurut jadual yang di-ator rombongan tersebut akan melawat 14 buah kampong di-tiga daerah itu yang akan bermula pada 4hb Jun. Lapan buah di-Daerah Tutong, lima di-Daerah Belait dan sa-buah di-Daerah Temburong.

Rombongan perubatan itu akan memulakan lawatan-nya ka-Kampong Untong, Tutong pada 4hb Jun. Lain2 kampong di-daerah itu yang akan di-lawati-nya ia-lah Kampong Belabau pada 6hb Jun, Supon Besar pada 12hb Jun, Long Mayan dan Supon kechil pada 13hb Jun, Kampong Bukit pada 18hb Jun; Benutan pada 25hb Jun dan Mapol Baru pada 26hb Jun.

Kampong2 di-Daerah Belait yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Kampong Sukang pada 5hb Jun, Melilas pada 11hb Jun, Baran dan Teraja pada 19hb Jun, Buau pada 20hb Jun.

Rombongan perubatan itu akan melawat Kampong Lopat, Daerah Temburong pada 27hb Jun.

Ada-lah di-ingatkan kapada pendudok2 kampong yang berkenaan yang memerlukan rawatan perubatan supaya bersedia di-tempat2 yang berkenaan. Kad2 perubatan jika ada hendak-lah juga di-bawa bersama.

# Ahli J-kuasa baru PPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Abdul Rahman bin Haji Sanip dan Awang Ibrahim bin Pehin Datu Inderasugara Dato Haji Johari masing2 di-lantek semula sa-bagai Pengerusi dan Setia Usaha Jawatankuasa Tadbir Persatuan Pengadil Bolasepak Chawangan Daerah Brunei-Muara bagi tahun 1979-80.

Mereka itu telah di-pileh dalam satu mashuarat jawatankuasa yang telah di-adakan di-bilek Mashuarat Dewan Pusat Belia pada hari Jumaat lalu.

Sa-orang lagi ahli dalam jawatankuasa lama juga di-pileh semula. Beliau ia-lah Awang Saipon bin Laman yang di-lantek semula sa-bagai Bendahari.

Lain2 yang di-pileh dalam mashuarat itu ia-lah Awang Haji Mohammad bin Mokti di-lantek sa-bagai Naib Pengerusi; Awang Suhaimi bin Haji Ibrahim/ sa-bagai Naib Setia Usaha.

Tiga orang telah di-pileh sa-bagai ahli jawatankuasa. Mereka ia-lah Awang Kamal bin Haji Salleh, Awang Abdullah bin Jair dan Karim bin Md Noor.

# Pameran Lukisan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran lukisan sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi tahun ini akan di-adakan sa-lama 10 hari mulai dari 14hb Julai bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri.

Peraduan tersebut terbahagi kapada potret, batek, archa, pemandangan, alam benda dan abstract.

Lukisan2 itu boleh-lah di-hantar dari sekarang kapada Pengiran Bongsu bin Pengiran Zakiah di-Dewan Bahasa dan Pustaka atau Awang Osman Mohammad di-Jabatan Radio Talivishen semasa pejabat di-buka.

Penyertaan hendak-lah di-hantar sa-belum 5hb Julai.



# Peladang2 Ulu Belait lawat Steshen Pertanian Sg. Liang

SUNGAI LIANG. — Ahli2 peladang Kg Sukang Ulu Belait telah membuka satu kawasan untok menanam berjenis2 sayoran di-kampong mereka baharu2 ini di-bawah tunjok ajar oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian Daerah Belait.

Sa-bagai satu achara dalam melaksanakan ranchangan perkebunan mereka, sa-ramai 25 orang dari ahli2 keluarga wanita peladang itu, telah mengadakan lawatan ka-Steshen Pertanian Sungai Liang dan kawasan di-sekitar Mukim Sungai Liang pada 17hb Mei, 1979.

Lawatan ini ada-lah bertujuan untok meninjau kegiatan2 penanam sayor di-steshen tersebut dengan harapan lawatan mereka itu akan menambah pengetahuan dan pengalaman untok memajukan lagi usaha2 mereka di-kampong. Rombongan ini di-bawa oleh tiga orang Pegawai Pertanian Bahagian Pengembangan dan Perusahaan Kampong di-mukim tersebut.

Gambar atas kelihatan Peladang2 Wanita dari Kampong Sukang itu menyaksikan satu tunjok chara menanam biji beneh sayoran di-Steshen Pertanian Sungai Liang.




sa-jurus sa-telah selamat penutopan rasmi Kursus Sivik dan Pameran yang telah di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait — gawai Penerangan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Md Salleh bin Haji Masri dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka bin Haji Mohd Ja'afar.



KELIHATAN peserta kursus mendaftarkan nama, menyatakan kehadhiran mereka untok menyertai kursus, pada sa-belah pagi, sa-jurus sa-belum pembukaan rasmi kursus.

# GAN LUPAKAN NDAS, GAGAWI ..!

ngindahkan chiri2 siapa kita itu. Sikap ini juga boleh menjerumuskan dan menjadi petaka kapada negara yang mengamalkan prinsip2 menghormatkan identiti bangsa. Tegasnya, bila masharakat Brunei lupa akan chiri2 kehidupannya sebalek-nya gelujoh untok menchorak2kan budi dan daya yang konon-nya untok menseimbangkan dengan kemajuan bangsa2 di-dunia, maka ini akan bermakna bakal menempoh satu waktu yang tidak sa-imbang dalam segala hal. Bila sudah ini berlaku, perpechahan akan menjadi "dangan-sanak" yang setia kapada kita dan akhir-nya bangsa kita juga yang bakal rugi di-atas bumi-nya sendiri.

Demikian perutusan penting di-perasmian Kursus Sivik dan Pameran, Mukim Kuala Belait, yang dapat di-timba dari uchapan Ketua Pegawai Penerangan, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md Salleh bin Haji Masri, di-pembukaan rasmi kursus tersebut.



Awang Ahmad bin Rendah, sedang mengemukakan pertanyaan-nya kapada pencheramah mengenai dengan penggunaan tanah.



..., sedang menyampaikan cheramah-nya mengenai "Masaalah



KELIHATAN Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar, menyampaikan sijil kenang-kenangan kursus Mukim Kuala Belait kapada Awang Harris bin Bungso, peserta yang mewakili Persatuan Teksi Daerah Belait, bagi Kuala Belait.

BELIA DAN SOKAN

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

## CAPABLANCA — MESIN CHATOR

OLEH:
STEWART WAVELL

Siri ke-28

SA-ORANG anak muda yang menchapai kemashhoran dunia dalam permainan chator tanpa mempelajari-nya daripada buku ada-lah Capablanca. Dia di-lahirkan di-Havana, Cuba dalam tahun 1888 dan sejak berumor empat tahun lagi sudah menjadi lejenda. Kadang-kadang ia memerhatikan ayah-nya bermain. Suatu hari ia ketawa berdekah-dekah apabila ia melihat ayah-nya menggerakkan Kuda sa-chara membuyok! Ayah-nya, terasa sedikit malu, jadi bingong. "Apa yang kau tau tentang chator?" ia bertanya kapada anak-nya itu. "Chukup untok mengalahkan ayah!" jawab anak itu. Dan serta-merta terus di-boktikan-nya.

Ketika berumor 12 tahun ia mengalahkan J. Corzo, pemain terhandal Cuba, dan ketika berumor 21 tahun ia mengalahkan Marshall, pemain terhandal Amerika dengan 8 permainan berbalas 1. Tidak lama sa-lepas itu ia telah di-undang, hampir2 saperti undangan berubah fikiran, untok mengambil bahagian dalam Perlawanan Sepanyol di-mana beberapa orang pemain handalan dunia mengambil bahagian. Beberapa orang grandmaster membantah penyertaan-nya itu, termasok Bernstein, dengan alasan yang Capablanca terlalu kurang pengalaman. Tatkala melawan Bernstein, ia mendapat hadiah yang paling berharga dengan mengalahkan pemain itu, dan yang memeranjatkan semua orang ada-lah ia mendudoki tempat pertama dalam Perlawanan itu mengatasi Rubinstein, Vidmar, Marshall, Nimzowitsch, Schlechter, Tarrasch, Spielmann, Teichman, Janowski, dan Marocsy.

Berikut ada-lah permainan-nya melawan Bernstein. Puteh: Capablanca. Hitam: Bernstein. Pembukaan: Ruy Lopez.

1. B-e4 B-e5
2. K-f3 K-c6
3. G-b5 K-f6
4. 0-0 G-e7
5. K-c3 B-d6
6. GxK asah BxG
7. B-d4 BxB
8. KxB G-d7
9. G-g5 0-0
10. T-eI B-h6
11. G-h4 K-h7
12. GxG MxG
13. M-d3 T(a8)-b8
14. B-b3 K-g5
15. T(aI)-dI M-e5
16. M-e3 K-e6
17. K(c6)-e2 M-a5
18. K-f5 K-c5
19. K(e2)-d4 R-h7
20. B-g4 T(a8)-e8
21. B-f3 K-e6
22. K-e2 MxB
23. K(e2)-g3 MxB
24. T-cI M-b2
25. K-h5 T-h8
26. T-e2 M-e5
27. B-f4 M-b5
28. K(f5)x B(g7) K-c5
29. KxT GxT
30. M-c3 B-f6
31. KxB asah R-g6
32. K-h5 T-g8
33. B-f5 asah R-g5
34. M-e3 asah R-h4
35. M-g3 asah Menyerah kalah.

Puteh B-h4 mat.

Bayangkan-lah reaksi dunia terhadap performance ini! Sa-kelip mata sahaja Capablanca menjadi chalun kejuaraan dunia. Bagaimana ia melakukan-nya? Jawapan-nya yang rengkas ada-lah 'sa-memang-nya begitu'. Dia ada-lah



Capablanca.

sa-orang jinias. Dia memadu taktik dengan strateji untok menchapai kemenangan melalui chara yang paling ringkas dengan usaha yang minima. Dia memudahkan segala-gala-nya. Berikan kapada-nya kelebehan yang paling kechil, dengan pemahaman-nya yang paling saimbang mengenai kedudokan, sedikit demi sedikit ia akan mengubah keadaan dan akhir-nya menang. Tidak terdapat orang saperti-nya sejak dahulu hingga sekarang. Mungkin peminat-nya yang terkuat ada-lah Bobby Fischer yang kemahiran-nya menyusun komplikasi permainan hanya di-tandingi oleh bakat ala Capablanca-nya dalam penghuraian yang ringkas.

Terdapat beberapa Perlawanan mashhor yang di-adakan pada tahun 1912 di-mana Capablanca menunjokkan performance chemerlang. Dalam satu permainan di-Breslau di-mana Capablanca salah sa-orang yang mendapat tempat pertama, permainan yang menjadi kenangan ada-lah di-antara Lewitzky (Puteh) dengan Marshall (Hitam) saperti berikut:

1. B-d4 B-e6
2. B-e4 B-d5
3. K-c3 B-c5
4. K-f3 K-c6
5. BxB(d5) B(e6)xB
6. G-e2 K-f6
7. 0-0 G-e7
8. G-g5 0-0
9. BxB G-e6
10. K-d4 GxB
11. KxG BxK
12. G-g4 M-d6
13. G-h3 T(a8)-e8
14. M-d2 G-b4
15. GxK TxG
16. T(aI)-dI M-c5
17. M-e2 GxK
18. BxG MxB
19. TxB K-d4
20. M-h5 T(e8)-f8
21. T-e5 T-h6
22. M-g5 TxG
23. T-d5 M-g3

Tahu-kah awda sebab-nya? Menyerah kalah.

Telah di-cheritakan bahawa sa-lepas gerak Menteri yang akhir itu, penonton2 telah menghujani papan-chator dengan kepingan2 emas.

Dalam Perlawanan antarabangsa yang agong di-St Petersburg pada bulan April 1914, Capablanca mendapat tempat pertama dalam pusingan awal dengan kelebehan 1½ mata daripada pemain2 lain. Keputusan-nya: Capablanca 8 mata, Lasker (masa itu Juara Dunia) dan Tarrasch masing-masing 6½ mata, Alekhine dan Marshall masing-masing 6 mata, Bernstein dan Rubinstein masing-masing 5 mata, Nimzowitsch 4 mata, Blackburne dan Janowski masing-masing 3½ mata, dan Gunsberg 1 mata. Walau pun begitu, dalam pusingan akhir, Dr Lasker yang bermain dengan begitu chemerlang, telah mengalahkan Capablanca dengan Alekhine, dan Tarrasch dengan Marshall dengan mendapat 13½ mata, ½ mata lebeh daripada Capablanca. Dr Lasker sedar yang ia tidak lagi dapat bertahan lama untok mempertahankan kejuaraan yang di-pegang-nya itu. Capablanca berazam untok merebut kejuaraan itu daripada-nya.

Sa-lepas perang Dunia Pertama di-sebabkan oleh umor dan keletehan, Dr Lasker menyerahkan mahkota kejuaraan itu kapada Capablanca. Tetapi Capablanca mendesak supaya di-adakan perlawanan yang akhir-nya di-adakan di-Havana dalam tahun 1921. Sa-lepas 14 permainan, Capablanca memenangi 4 tidak berbalas. Dr Lasker pun menyerah kalah. Capablanca munchol sa-bagai bintang baru di-angkasa permainan chator. Buat beberapa lama bintang itu bersinar berkilau-kilauan. Bintang2 lain juga munchol saperti Breyer, Nimzowitsch, Reti, Tartakower — mereka mempelopori "hypermodern" (mahamoden), satu majhab chator yang keselurohan-nya baru — tetapi sinaran bintang Capablanca mengatasi sinaran bintang2 itu. Tetapi orang yang bermain chator cherah — Alexander Alekhine — sedang menunggu untok munchol. Buat beberapa lama dunia chator ta'ajub oleh Capablanca. "Tidak terdapat sa-belum itu, juga sa-lepas-nya, saya menyaksikan ketangkasan pemahaman chator yang begitu menta'ajubkan," demikian pengakuan Alekhine tentang permainan Capablanca. "Kechepatan permainan-nya ada-lah menta'ajubkan," kata Reuben Fine. "Apa yang tidak dapat di-temui oleh orang lain dalam sa-bulan, di-temui-nya dalam sa-kelip mata".

Kerajaan Cuba melantek Capablanca menjadi duta. Di-mana-mana sahaja ia bermain, ia di-tukar ka-bandaraya itu untok memegang satu jawatan. Sekarang ia merupakan satu lejenda yang sudah bertapak. Dia senang bergaul, mempunyai daya penarek Latin, tinggi lima kaki lapan inchi, tidak mempunyai misai atau janggut, berkulit kuning langsat, dan mempunyai senyuman cherah. Dia sentiasa sihat, pemain tenis yang gigeh, pemain kartu yang bijak, dan juga pemain billiard. Ada orang berpendapat ia ada-lah pemain chator terhandal yang pernah hidup. Berikut ada-lah permainan-nya dengan Bernstein di-St Petersburg. Permainan ini ada-lah untok memperingati-nya.

1. B-d4 B-d5
2. K-f3 K-f6
3. B-c4 B-e6
4. K-c3 K(b8)-d7
5. G-g5 G-e7
6. B-e3 B-c6
7. G-d3 BxB
8. GxB B-b5
9. G-d3 B-a6
10. B-e4 B-e5
11. BxB K-g4
12. G-f4 G-c5
13. 0-0 M-c7
14. T-cI B-f6
15. G-g3 BxB
16. B-b4! G-a7
17. G(d3)xB B(a6)xG
18. K(c3)xB M-d8
19. K-d6 asah R-f8
20. TxB K-b6
21. G-h4 M-d7
22. KxG MxT
23. M-d8 asah M-e8
24. G-e7 asah R-f7
25. K-d6 asah R-g6
26. K-h4 asah R-h5
27. KxM TxM
28. KxB asah R-h6
29. K(g7)-f5 asah R-h5
30. B-h3 K-c8
31. BxK asah RxB
32. B-g3 T-d2
33. R-g2 T-e2
34. B-a4 Menyerah kalah.

### HURAIAN MASA'ALAH 24

Hitam memburu Raja ka-petak hI, kemudian memusnahkan buah-chator yang mengawal petak f2 dan akhir-nya 'makan' Menteri dengan . . . ' K-f2 asah.

31. . . . , T-hI asah ! !
32. RxT GxG
33. KxG

Jika 33. BxK, M-h4 asah, di-ikuti oleh mat dalam gerak berikut-nya.

33. . . . , K-f2 asah
34. R-gI KxM
35. K-f5 GxK(f5)
36. BxG M-d2
37. TxK MxG

Puteh menyerah kalah.

### MASA'ALAH 25




Rajah 72

Satu permainan mudah antara Bernstein dengan Capablanca di-Moscow dalam tahun 1914. Capablanca (Hitam) menchari satu gerak yang akan memaksa Puteh menyerah kalah. Dapat-kah awda menchari-nya?

## Sepak takraw anjoran PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN — Sa-bagai salah satu achara bagi meraikan hari ulang tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Yang ka-33 tahun, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menganjorkan satu perlawanan sepak takraw yang terbuka bagi penyertaan Jabatan2 Kerajaan, Kelab2, Persekolahan dan persatuan2 yang berdaftar yang ada di-dalam negeri ini.

Pemenang2 yang mendudoki tempat pertama hingga ka-tiga di-perlawanan itu nanti masing2 akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $75.00, $50.00 dan $25.00 di-samping menerima hadiah khas dari persekutuan tersebut.

Borang2 penyertaan serta keterangan lanjut mengenai perlawanan sekarang boleh di-dapati daripada Awang Mohammad bin Ismail, Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran Brunei; Awang Mokti bin Ghani, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil; Awang Haji Abd Wahid bin Haji Tungkat dan Awang Noordin bin Haji Kasah, Pusat Tingkatan Enam; dan Ibu Pejabat PGGMB, Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

Semua borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada yang berkenaan tidak lewat dari 2hb Jun bagi daerah Brunei Muara. Bagi daerah Tutong, Kuala Belait dan Temburong tarikh-nya akan di-umumkan kemudian.

## TINGKATAN ENAM JOHAN BOLA-TAMPAR

BERAKAS. — Pusat Tingkatan Enam telah menjadi johan bahagian sekolah menengah atas sa-telah mengalahkan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah dalam perlawanan akhir bola-tampar bagi sekolah2 menengah seluroh negeri.

Johan bahagian menengah bawah ia-lah Sekolah Melayu Mohammad Alam yang telah berjaya mengalahkan Maktab SOAS Junior.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran dan telah di-adakan di-Sekolah Inggeris Berakas. Sa-banyak sa-puloh buah sekolah telah turut serta.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh sa-orang pegawai pentadbir Jabatan Pelajaran, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Diraja Khatib Haji Abu Hanafiah.

## Sukan Sekolah Rendah Brunei III

BANDAR SERI BEGAWAN — Sukan tahunan sekolah2 rendah Bahagian Brunei Tiga telah di-adakan minggu lalu di-padang Sekolah Melayu SMJA. Ia-nya telah di-rasmikan oleh Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Besar.

Lebeh dari empat ratus orang murid dari dua puloh buah sekolah telah mengambil bahagian dalam dua puloh tiga achara yang di-pertandingkan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Datu Harimau Alam Awang Besar bin Munaf.

Sementara itu di-daerah Temburong temasha sukan tahunan kali ke-empat bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan telah juga di-adakan bertempat di-padang Sekolah tersebut.

Perasmian-nya telah di-lakukan oleh Pengerusi Surohanjaya Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama, Dr Awg Haji Mohammad Jamil Al-Sufri. Turut berchap ia-lah Pengetua Sekolah, Awg Haji Ahmad bin Hussin.

Sa-banyak 25 achara telah di-pertandingkan. Ia-nya juga telah di-serikan oleh pasokan pancharagam Sekolah Menengah SMJA dari Bandar Seri Begawan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut:—

i) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.

ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasok mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dan kebolehan salah satu bidang2 berikut boleh-lah juga di-pertimbangkan.

1) Hal Ehwal Penerangan Ugama;
2) Urusan2 PengIslaman;
3) Menyediakan skrip2 untok siaran;
4) Urusan Penerbitan Buku2 Ugama;
5) Bersharah dengan baik;

c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi.

d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dalam perkhidmatan dan mempunyai pengalaman salah satu daripada bidang2 yang di-nyatakan di-cheraian (b), (iii) 1 hingga 5 di-atas boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $625-657-689 - 720 - 752-784/ EB /854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071 - 1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Julai, 1979.

(E/884/71 — Bil: 95/1979)

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-Askar Melayu Di-Raja Brunei, Brunei.

1. PENYELIA TALIPON TINGKAT II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai pengalaman bekerja sebagai opereter talipon sekurang2-nya selama tiga tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561/ EB /625-657-689-720-752 - 784-854-880-905-931-956-982-1007.

2. OPERETER TALI-GERAP:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai sekurang2-nya sa-tahun pengalaman dalam bidang yang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

3. OPERETER PENAPIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 yang berumor antara 18 hingga 30 tahun, mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III dan mempunyai Sijil Penyelamat yang di-iktiraf. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengetahuan tentang chara2 menggunakan alat2 penapis ayer. Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa bekerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan. Selain dari itu mereka di-kehendakki menjalankan tugas sa-bagai Penyelamat.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB. 2 — $370-383-395-408-421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561.

4. OPERETER TINGKAT I: (TALIPON) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

5. OPERETER TINGKAT II: (TALIPON) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu;

b) Keutamaan akan di-beri kapada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

6. TUKANG MASAK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 lelaki dan perempuan mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau Restoran.

b) Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Julai, 1979.

(E/1833/76—Bil: 93/1979)

## Sa-bagai Jurubahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Juru Bahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun.

b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan salah satu daripada kelayakan berikut:—

i) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.

ii) Mempunyai Sijil 'Am Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasok mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama;

iii) Sijil Rendah pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.

c) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.

d) Chalon2 hendak-lah faseh dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan boleh menterjemahkan penerangan2 dari Bahasa Melayu ka-dalam Bahasa Inggeris dan sebalek-nya.

e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-para (b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta faseh dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai kebolehan untok menterjemah penerangan dari Bahasa Melayu ka-dalam Bahasa Inggeris dan sebalek-nya boleh juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $625-657-689 - 720 - 752-784 /EB/854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Julai, 1979.

(E/979/77 — Bil: 97/1979)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, the Government Offices, Bandar Seri Begawan from registered Contractors of Class 'B' and above up to 12 noon, Tuesday 12th Jun 1979 for the :

SUPPLY AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT FOR DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE KUALA BELAIT FOR THE GOVERNMENT OF BRUNEI

2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Tenders are to be forwarded only in the envelope provided. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
4. Tender documents, drawings and specification may be obtained from and examined at the office of the Architects,

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

upon payment of the Tender Deposit from Wednesday 30th May 1979 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender.
6. Tenders are to be submitted only on the forms provided.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
8. Tenderers are to become sub-contractor to the Contractor who is Messrs Hong Lee Construction Company and must indemnify the main contractor in accordance with the contract documents, blank copies of which may be seen and inspected at the Architects Office.

## TENDER NOTICE

1 TENDERS are invited from P.W.D. registered Class A contractors for the construction and completion of the:—

PROPOSED CLINIC AT SERIA

2 Tender documents including Bills of Quantities are obtainable only from 30th May, 1979 onwards during office hours from Messrs Contract Services Consultants, Room 32-33, 4th Floor, Hongkong Bank Chambers, Jalan Chevalier/Sultan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3 A tender deposit of B$1,000.00 is required. In the case of the tenderer being subsequently awarded this contract, this deposit will not be refunded. Instead it will be paid to the Government to be credited under this project vote. The other tender deposits will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all drawings and documents in good condition to Messrs Contract Services Consultants.

4 Prior to the issue of the tender documents, all tenderers will be required to:—

4.1 produce evidence of their P.W.D. registration status

4.2 show documentary evidence of having complied with the Government requirement of Financial Guarantee.

5 Tenders must be submitted in the pre-typed envelopes provided and delivered to the office of:—

The Chairman
of Tenders Board
State Secretariat
Bandar Seri Begawan
BRUNEI

6 All tenders must be submitted not later than 12.00 noon on Tuesday, 19th June, 1979.

7 Tenders received after the above stipulated closing date and time will be rejected.

8 There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.

9 The Government of Brunei reserves the right not to accept the lowest or any tender.

## Jurukira Jabatan Pelajaran

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B2 EBS —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Ijazah Accountancy atau kelulusan2 ikhtisas yang sebanding dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-telah memperolehi kelulusan. Chalon yang berjaya hendak-lah mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai atoran2 kira2 kerajaan. Pengetahuan mengenai electronic data processing merupakan satu kelebehan.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek selama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1979.

(E-11/79 — No: 85/1979)

## Sa-bagai Guru Bahasa Inggeris

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sebagai Guru Bahasa Inggeris di-Askar Melayu Di-Raja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mempunyai Sijil Latehan Perguruan yang di-iktiraf dan mempunyai pengalaman dalam bidang ini sekurang2-nya dua tahun.

c) Mempunyai sekurang2-nya Diploma dalam bahasa Inggeris dan boleh menguasai Bahasa Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji T. 7 — B$746-778-810-905 - 931 - 956 - 982-1007-1033-1071-1097-1135 / E B / 1173-1211-1250 - 1301 - 1352-1377 - 1403 - 1428 - 1454 - 1479. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Julai, 1979.

(E/1715/77 — Bil: 96/1979)

## TENDER NOTICE

**CONTRACT — FOAM RUBBER (DUNLOPILLO/COMFORT) MATTRESSES, PILLOWS AND CUSHIONS**

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 pm. Saturday 9th June 1979.
2. The Contract is for a period of 1 year from the date signing the Contract.
3. Tenders must be placed in a plain envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope must be endorsed:

"ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FOAM RUBBER (DUNLOPILLO/ COMFORT) MATTRESSES, PILLOWS AND CUSHIONS CONTRACT".

4. Tender form and special conditions for the contract may be obtained from the DAQMG 2, Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of $500.00.
5. The Brunei Government does not bind itself to accepting the lowest tender.

## TENDER NOTICE

**MARINE INSURANCE FOR 8 MARINE CRAFT — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon Tuesday, 17th July 1979.
2. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of Tenderer. The envelope should be endorsed, "MARINE INSURANCE FOR 8 MARINE CRAFT — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT".
3. Requirements for the insurance may be seen at or applied for from the Office of the OIC Finance Division, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp, Brunei.

## Sa-bagai Atendan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Atendan Pejabat di-Jabatan Keselamatan dan Perisek, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya dan mesti-lah berbadan sehat.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Julai, 1979.

(E/547/79 — Bil: 92 1979)



## Sumbangan dari SMSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyampaian dua keping chek yang bernilai $6,000 telah di-lakukan oleh Awang Sandy Livingstone, Penasehat Perhubongan Perdagangan bagi pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Penyampaian chek tersebut di-adakan di-Pejabat Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, di-sini pada hari Rabu minggu lalu.

Sa-keping chek bernilai $3,000 telah di-dermakan untok Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei. Derma ini telah di-terima oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan sa-keping chek lagi yang bernilai $3,000 untok Tabong Majlis Belia2 Negeri Brunei disampaikan kapada Awang Haji Ahmad bin Kadi, Bendahari MBB.

**GAMBAR atas kelihatan Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menerima chek tersebut yang di-sampaikan oleh Awang Livingstone.**

## PTE JOHAN TARIAN ASLI SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong telah munchol sa-bagai johan dalam Peraduan Tarian Asli Brunei bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-negeri.

Kumpolan penari Pusat Tingkatan Enam yang membawakan tarian gabongan Dang Mengalai dan Anding telah mengalahkan tujoh buah sekolah dan maktab yang lain dalam Peraduan Perengkat Akhir yang di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Sabtu lalu.

Tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Menengah SMJA sementara pemenang ketiga ia-lah Sekolah Menengah Chung Hwa.

Peraduan kali kelima di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu di-rasmikan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat. Manakala hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Lebeh dari 500 orang termasok jemputan khas telah menyaksikan peraduan tersebut. Sa-lain dari peraduan tarian itu, para penunton juga telah di-hiborkan dengan permainan pencharagam oleh pasokan pencharagam Sekolah Menengah SMJA.



**Gambar atas, kelihatan ketua kumpolan penari PTE menerima Oskar Kejohanan yang di-sampaikan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.**

## Pelumba2 luar negeri sertai Brunei Grand Prix

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang pelumba handalan dari luar negeri akan mengambil bahagian dalam Perlumbaan Kereta Brunei Grand Prix 1979.

Perlumbaan tersebut di-anjorkan sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan akan di-adakan di-lapangan terbang lama Berakas pada 21hb dan 22hb Julai.

Sa-banyak 12 achara perlumbaan termasok lima achara lumba motosikal akan di-pertandingkan dalam perlumbaan tersebut. Saperti tahun lepas, pada tahun ini juga akan di-adakan satu perlumbaan terbuka kapada pelumba2 wanita.

Setia Usaha Perlumbaan, Awang Mohd Yusof bin Abdullah menyatakan bahawa permohonan2 untok menyertai perlumbaan2 maseh di-buka dan mereka yang ingin menyertai perlumbaan2 boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari beliau di-alamat Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Semua borang2 penyertaan bersama dengan bayaran masok hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 15hb Jun, 1979.

Dari muka 2

Sementara dalam latehan judo 18 orang telah menerima talipinggang jingga, dan 11 orang menerima talipinggang kuning di-samping menerima sijil dari Persatuan Palang Merah Negeri Brunei tanda kejayaan dalam ujian pertolongan chemas.

Sa-lain menjalani latehan sabagai rekrut, mereka juga telah berkesempatan membuat lawatan ka-beberapa buah jabatan kerajaan untok meninjau perlaksanaan dan tugas2 jabatan tersebut sa-bagai pengetahuan tambahan mereka.

Dalam upachara tamat latehan itu yang di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Pulis Diraja Brunei serta sanak saudara lepasan rekrut, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar telah juga menyampaikan sabda dan hadiah kepujian berupa belantan kapada tiga orang rekrut yang terbaik sapanjang menjalani latehan.

Rekrut 260, Ak Ahmad bin Pg. Hashim terpileh sa-bagai terbaik dalam semua jurusan, rekrut 1043, Timbang bin Matnoor di-pileh kerana terbaik dalam undang2 dan pekerjaan pulis dan rekrut 299, Md. Hussain bin Md Sa'at menerima hadiah terbaik dalam kawad, kawad rusohan, latehan senjata dan jasmani.

Turut menyerikan upachara perbarisan pagi itu ia-lah barisan dari empat pasokan — Kompeni 'A' dan 'B' Yunit Simpanan, pasokan dari Kursus Mata-mata ke-3 tahun 1979, pasokan pengambilan Pertama tahun 1979 yang akan menamatkan latehan pada akhir Julai depan dan pasokan pencharagam.

## *Dua orang pegawai BAAA berkursus di-Tokyo*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Persatuan Sokan Amator Brunei — BAAA telah berlepas ka-Jepun pada hari Sabtu lalu untok mengikuti kursus jurulateh sokan sa-lama sa-minggu di-Tokyo.

Mereka ia-lah Awang Abdul Razak bin Bungsu, Setia Usaha Kehormat BAAA dan Awang Zainal bin Gana, Naib Yang Dipertua Daerah Tutong, BAAA.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Persekutuan Sokan Amator Antarabangsa dan Persatuan Sokan Amator Jepun bersempena Sokan Asia yang bermula esok hingga 3hb Jun.

Di-samping mengikuti kursus jurulateh itu, mereka juga akan menyertai Kongres Pertubohan Sokan Olahraga Amator Asia yang di-jadualkan berlangsong hari ini.

Sa-masa berada di-Tokyo, kedua2 orang pegawai itu akan berpeluang menerima maklumat2 mengenai pengelolaan sokan, penggunaan peralatan sokan di-stadium serta menyaksikan sa-bahagian dari pertandingan Sokan Asia.

Sa-banyak 35 buah negeri yang bergabong dengan Persekutuan Sokan Amator Antarabangsa menyertai Sokan Asia yang di-adakan di-Tokyo itu.

Dari muka 1

kepentingan orang2 Melayu dinegeri ini akan lumpoh dan menjadi bahan 'paibunan' sedangkan orang2 Melayu akan terus mundor dalam sektor2 ekonomi.

Awang Selamat seterus-nya menjelaskan bahawa di-dalam konteks kemajuan ekonomi sabuah negeri di-mana majoritinya terdiri dari orang2 Melayu, ada-lah perlu dan wajar sekali kepentingan orang2 Melayu itu di-utamakan demi untok meninggikan taraf kehidupan orang2 kita di-negeri ini.

Steshen Pam Minyak yang menelan belanja $250,000 itu ada-lah merupakan steshen yang ke-enam yang paling moden di-Daerah Brunei-Muara. Steshen tersebut mempunyai sa-buah kantin, pejabat dan empat buah pam minyak.

Turut hadhir di-Upachara Pembukaan Rasmi itu ia-lah Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett, wakil pengurus di-Bandar Seri Begawan, Awang M.S. Michie dan pegawai2 dari Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

## Perarakan Kereta, Basikal Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perarakan Kereta dan Basikal Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki akan di-adakan sa-bagai salah satu achara bagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Perarakan Kereta dan Basikal Berhias akan di-adakan pada 16hb Julai jam 2.00 petang dan akan di-adakan lagi pada sebelah malam-nya bersama2 dengan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki. Perarakan pada sebelah malam itu akan bermula dari Padang Ong Sum Ping dan berarak mengelilingi Bandar Seri Begawan dan berakhir di-padang Besar.

Perarakan2 tersebut ada-lah terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan, Persatuan2 Belia dan Kebajikan, Kampong2, Sekolah2 dan Maktab2 serta sharikat2 perniagaan.

Mereka yang ingin menyertai perarakan2 tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 permohonan dari Pengerusi Perarakan, Pg Haji Mohammad bin Pg Badar di-Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan atau dari Setia Usaha-nya, Pg Haji Abdul Momin bin Pg Damit di-Pejabat Penchen Negara.

Borang2 penyertaan hendaklah di-kembalikan kapada mereka tidak lewat dari 4hb Julai, 1979.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.